

# ESTAR

## BULETIN

YAN DAERAH PELANCONGAN DESA

# EDISI JAN-JUN 2023



[www.mdyan.gov.my](http://www.mdyan.gov.my)

Menarik

Di dalam ini



Sumbangan oleh  
DYTM Tunku Presiden  
Jemaah-jemaah Dato'



Pengukuhan Pasukan &  
Integriti Kakitangan



Anugerah Ibu Inspirasi  
Sempena Sambutan Hari Ibu  
Peringkat Daerah Yan



Restorasi Karang @  
Pulau Songsong



# Peratusan YANG DIPERTUA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kumiaNya Buletin Lestari dapat diterbitkan untuk tatapan semua pembaca. Saya ingin mengambil kesempatan untuk merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada sidang redaksi di atas komitmen dan dedikasi yang diberikan sehingga buletin ini dapat dihasilkan. Sekalung tahniah dan terima kasih juga kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan dan warga MDY kerana telah sama-sama mengembangkan tenaga dalam menjayakan program pentadbiran dan pelancongan daerah Yan.

Secara umumnya, Buletin ini disediakan bertujuan untuk melaporkan segala aktiviti, program yang telah dilaksanakan sepanjang penggal setiap tahun. Sebagai sebuah Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Daerah Yan komited dalam memastikan segala kemudahan infrastruktur dan utiliti awam dapat disediakan dan diselenggara dengan baik untuk kegunaan dan keselesaan penduduk di daerah ini. Pelbagai program telah dirangka kepada semua lapisan umur dan ia secara tidak langsung mempromosikan pelancongan Daerah Yan setanding tempat pelancongan lain.

Justeru, penerbitan buletin ini diharap dapat menjadi panduan dan penanda aras bagi setiap program dan aktiviti yang telah dirancang bagi tahun yang akan datang.

Akhir kata, saya menyeru kepada semua kakitangan Majlis Daerah Yan untuk terus bekerjasama agar kejayaan dan kecemerlangan yang dicapai pada tahun ini dapat dikekalkan dan diteruskan pada masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

**MOHAMAD SUBHI BIN ABDULLAH, AMK., BCK**

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Yan

"Yan Daerah Pelancongan Desa"



## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

Mohamad Subhi bin Abdullah, AMK., BCK

### PENASIHAT

Mohd Akmal bin Azimi

### KETUA EDITOR

Nur Izzati binti Mohd Sabri

### MEDIA

Nur Amirah binti Abdul Halim  
Shah Rizal bin Mohamad

**PROGRAM / AKTIVITI PELANCONGAN DAN KEMASYARAKATAN MAJLIS  
DAERAH YAN TAHUN 2023**

**4 JANUARI 2023 (RABU)**

**PROGRAM PEMULIHARAAN DAN KELESTARIAN BAKAU**

Program Pemuliharaan dan Kelestarian Bakau ini diadakan pada 4 Januari 2023 bermula jam 10.30 pagi bertempat di Kuala Sungai Limau, Yan, Kedah Darul Aman.

Program ini dianjurkan oleh Pusat Pengajian Kerajaan (SOG) Universiti Utara Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Kedah melibatkan hampir 100 orang peserta termasuklah dari kalangan warga kerja dan penuntut Universiti Utara Malaysia (UUM), para guru dan pelajar dari SK Sungai Limau dan SMK Dulang, para warga kerja Pejabat Hutan Kedah Tengah, Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta Majlis Daerah Yan dan para warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan.

Program ini dimulakan dengan Ucapan Aluan yang telah disampaikan oleh Yang Berusaha Prof Madya Dr. Halimah Abdul Manaf, Dekan, Pusat Pengajian Kerajaan (SOG) UUM dan disusuli dengan Ucapan Perasmian oleh YB Ustaz Mohd Azam bin Abd Samat ADUN Sungai Limau dan diteruskan dengan Taklimat Ringkas Program oleh wakil Jabatan Perhutanan Negeri Kedah.

Sebanyak 500 pokok bakau minyak telah berjaya ditanam sempena program pada hari ini oleh para peserta yang hadir.

Turut hadir menjayakan program ini ialah Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah, AMK., BCK. Pegawai Daerah Yan / YDP Majlis Daerah Yan merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, Tuan Mohamad Bin Abdullah (Pengarah Perhutanan Negeri Kedah) Dan Puan Noorul Azzyati binti Ahmad Salmi (Ketua Penolong Pegawai Daerah - Pengurusan Tanah) merangkap Timbalan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan.

Sekalung penghargaan dan ucapan tahniah diucapkan kepada pihak Pusat Pengajian Kerajaan UUM selaku pengajur program atas inisiatif yang sangat bermakna ini.

Jutaan terima kasih juga dirakamkan kepada semua jabatan / agensi dan sekolah - sekolah yang terlibat menjayakan Program Pemuliharaan dan Kelestarian Bakau yang amat bermanfaat ini demi memastikan pemuliharaan alam sekitar di samping memupuk kesedaran pembangunan mapan dan lestari (sustainable development) khususnya di Daerah Yan yang merupakan Daerah Pelancongan Desa.



**12 JANUARI 2023 (KHAMIS)**

**PROGRAM LIBATSAMA ANTARA PELAJAR UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM) DENGAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) – GO GREEN ADVENTOUR: EARTH, WE HEARD YOU**

Program Libatsama antara para warga Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan PBT - Go Green Adventour: Earth, We Heard You ini diadakan pada jam 9.00 pagi bertempat di Pantai Murni Waterfront, Yan, Kedah Darul Aman.

Program ini dianjurkan oleh Pusat Pengajian Kerajaan (SOG) Universiti Utara Malaysia dengan kerjasama Majlis Daerah Yan (MDY) yang melibatkan 30 orang peserta termasuklah dari kalangan para penuntut Universiti Utara Malaysia (UUM), warga kerja MDY dan warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan.

Program ini dimulakan dengan aluan daripada pengacara majlis dan seterusnya sesi senaman regangan selama 10 minit. Setelah selesai, semua peserta dipecahkan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan pengindahan dengan aktiviti cat di sebahagian tembok Pantai Murni. Manakala kumpulan kedua pula melaksanakan aktiviti pembersihan di sepanjang pantai tersebut.

Program ini berlangsung selama hampir 2 jam dan semua peserta berkumpul kembali di tempat yang disediakan bagi acara penutup.

Bagi acara penutup pula, bacaan doa telah dipimpin oleh saudara Syafiq Haikal bin Ibrohim. Program kemudiannya diteruskan dengan ucapan yang telah disampaikan oleh saudara Abdul Fattah bin Zaid Arafat, Pengarah Program Go Green Adventour: Earth We Heard You dan disusuli dengan penyerahan sumbangan berupa mockup dan cenderamata kepada wakil Majlis Daerah Yan iaitu Puan Nur Izzati Binti Mohd Sabri, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat dan disusuli dengan penyampaian cenderamata kepada wakil PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan iaitu Puan Nadhirah binti Roselan.

Turut hadir menjayakan program ini ialah Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah, AMK., BCK. Pegawai Daerah Yan / YDP Majlis Daerah Yan merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan MDY dan Puan Nadhirah binti Roselan (Setiausaha PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan).

Sekalung penghargaan dan ucapan tahniah diucapkan kepada pihak penganjur iaitu Pusat Pengajian Kerajaan (SOG) UUM selaku penganjur program atas inisiatif yang sangat bermakna ini.



**26 JANUARI 2023 (KHAMIS)**

**PROGRAM KAYUHAN SANTAI DAN CINTAI WARISAN JERAI GEOPARK SIRI 1**

Program Kayuhan Santai dan Cintai Warisan Jerai Geopark 1 / 2023 ini telah diadakan pada jam 7.30 pagi bertempat di perkarangan Masjid Al-Wustha, Guar Chempedak, Yan, Kedah.

Program ini dimulakan dengan sesi pendaftaran bagi peserta kayuhan basikal di perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah Yan pada jam 7.30 pagi. Jarak kayuhan adalah 10 kilometer iaitu dari perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah Yan sehingga ke perkarangan Masjid Al-Wustha, Guar Chempedak, Yan, Kedah.

Program Kayuhan Santai ini juga merupakan Salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh pentadbiran Daerah Yan untuk menggalakkan masyarakat untuk menghayati keindahan semulajadi yang terdapat di Daerah Yan khususnya Jerai Geopark. Di samping itu, program ini juga adalah tindakan proaktif pentadbiran Daerah Yan untuk mengetengahkan kepada masyarakat bahawa kawasan ini amat sesuai untuk aktiviti beriadah sambil menghayati sumber alam semulajadi yang unik yang terdapat di Daerah Yan

Sempena program ini, aktiviti gotong – royong turut diadakan bermula jam 9.00 pagi yang dimulakan dengan sesi taklimat pembahagian zon di perkarangan Masjid Al-Wustha, Guar Chempedak.

Terdapat 6 pembahagian zon yang telah diatur kepada beberapa jabatan / agensi / institusi / syarikat yang terlibat. Aktiviti gotong royong yang melibatkan hampir 300 orang peserta pada kali ini memberi tumpuan khusus kepada Terusan Wan Mat Saman iaitu dari kaki Gunung Jerai sehingga Kampung Batu 18 ½ yang melibatkan jarak anggaran sejauh 3 kilometer.

Program Cintai Warisan Jerai Geopark ini dianjurkan bertujuan untuk memupuk kerjasama padu dan komitmen tinggi dari semua pihak berkepentingan dan pemegang taruh (stakeholders) di Daerah Yan untuk sama - sama memelihara alam sekitar dan keindahan semula jadi Jerai Geopark yang telah mendapat pengiktirafan sebagai Geopark Kebangsaan Malaysia pada 18 Julai 2017 dan pada kali kedua pada 16 Disember 2021.

Sehubungan itu, untuk mengekalkan pengiktirafan tersebut, program-program sosial dan kempen kesedaran masyarakat perlu diadakan bagi memastikan kelestarian alam sekitar yang membentuk komponen Jerai Geopark itu sendiri.

Setelah selesai aktiviti gotong – royong, para peserta kemudiannya berkumpul di Dewan Masjid Al-Wustha bagi Majlis Penutup Program yang disempurnakan perasmianya oleh Tuan Pegawai Daerah Yan / Yang Dipertua Majlis Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi bin Abdullah dan Ahli Parlimen Jerai, YB Ustaz Sabri bin Azit. Program kemudiannya diteruskan dengan sesi penyampaian hadiah bagi cabutan bertuah kepada para peserta yang hadir. Semua hadiah cabutan bertuah ini ditaja oleh pengurusan Kompleks Guar Utama, Guar Chempedak.

Sekalung penghargaan dan setinggi – tinggi ucapan terima kasih dirakamkan kepada semua jabatan / agensi / institusi / syarikat yang terlibat atas penyertaan program dan komitmen tinggi yang diberikan sepanjang program tersebut berlangsung.

Turut hadir menjayakan dan memeriahkan program ini ialah YB Ahli Parlimen Jerai (YB Ustaz Sabri bin Azit), Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains Kedah / Perlis / Pulau Pinang ( Encik Azizan bin Ali), Tuan Setiausaha MDY (Encik Mohd Akmal bin Azimi), Ibu Pejabat Polis Daerah Yan, Ahli – Ahli Majlis MDY, Pejabat Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Yan, Pejabat RELA Daerah Yan, Pejabat Agama Daerah Yan, Pejabat Environment E-Idaman Yan, Pejabat HCS Realty Guar Utama, Pejabat JKR Daerah Yan, Bomba dan Penyelamat Guar Chempedak, Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat SUK Kedah, Pejabat SWCorp Pendang / Yan, Kolej Komuniti Jerai, Giat MARA Jerai, Angkatan Pertahanan Awam (APM) Daerah Yan, MADA Wilayah IV, Pejabat Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Yan, Pejabat Belia dan Sukan Daerah Yan, Pejabat Penerangan Daerah Yan, JPKK Batu 18, Jawatankuasa Kariah Masjid Al Wustha, PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, para Penghulu Mukim, para warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta seluruh warga kerja Majlis Daerah Yan.



**5 MAC 2023 (AHAD)**

**PROGRAM SEJAHTERA KOMUNITI PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDARAAN NEGERI KEDAH**

Program ini telah diadakan pada jam 9.00 pagi bertempat di perkarangan Surau Nurul Iman, Kampung Permatang Tepi Laut, Mukim Sala Besar, Yan, Kedah.

Program ini dimulakan dengan sesi pendaftaran bagi para peserta penerima bantuan di perkarangan surau tersebut dan disusuli dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Desa, Imam Masjid Kariah Permatang Buluh, Mukim Sala Besar, Yan, Kedah.

Program kemudiannya diteruskan dengan ucapan aluan oleh YB Ustaz Mohd Azam bin Abd Samat, ADUN Sungai Limau dan diikuti dengan ucaptama oleh YB Dato' Haji Isahak bin Murat, Pegawai Kewangan Negeri Kedah.

Program ini merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh Pejabat Kewangan dan Pembendaharaan Negeri Kedah dengan kerjasama Pusat Khidmat Wakil Rakyat DUN Sungai Limau untuk pemberian tunai dan bakul makanan kepada 50 orang asnaf serta 2 orang penerima yang disampaikan semasa sesi ziarah diadakan di rumah mereka. Di samping itu, program ini juga merupakan satu langkah proaktif untuk membantu masyarakat yang memerlukan seperti penyampaian bantuan persekolahan Back to School yang melibatkan seramai 147 orang yang terdiri dari 81 orang murid sekolah rendah dan 66 orang pelajar sekolah menengah.

Sempena program ini, pelbagai aktiviti sampingan menarik turut diadakan seperti FREE MARKET, pemberian barang rumah terpakai dan kelengkapan sekolah kepada para penduduk sekitar yang hadir.

Selain itu, terdapat pelbagai aktiviti menarik yang lain juga turut dijalankan sempena program ini seperti lawatan khemah jualan, pameran-pameran dari pelbagai agensi dan kaunter saringan kesihatan yang dilaksanakan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Yan di mana seramai 50 orang peserta yang hadir telah membuat saringan pemeriksaan kesihatan telah diberikan hadiah saguhati iaitu berupa satu pek beras 5 kg setiap orang.

Program ini kemudiannya diakhiri dengan sesi bergambar para tetamu jemputan bersama para urus setia program, penerima sumbangan dan penduduk setempat serta jamuan kenduri rakyat untuk semua yang hadir menjayakan dan memeriahkan program yang julung - julung kali diadakan di Daerah Yan.

Setinggi- tinggi ucapan tahniah dan terima kasih dirakamkan kepada Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah, Pusat Khidmat Wakil Rakyat DUN Sungai Limau, Pejabat Penghulu Mukim Sala Besar, semua jabatan / agensi / institusi / syarikat yang terlibat seperti Pejabat Daerah dan Tanah Yan, Majlis Daerah Yan, Pejabat Kesihatan Daerah Yan serta Tabung Haji yang telah membantu memastikan kelancaran program yang sangat bermakna ini.

Turut hadir menjayakan dan memeriahkan program ini ialah Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah, AMK., BCK. (Pegawai Daerah Yan / Yang Dipertua Majlis Daerah Yan merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan), YBhg. Datin Hajah Nor Afza binti Osman (Pengerusi PUSPANITA Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Kedah), Puan Amila binti Ahmad (Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan), Puan Noorul Azyyati binti Ahmad Salmi (Timbalan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan), Tuan Imam Masjid Kariah Sungai Dedap, Penghulu- Penghulu Mukim, Ketua Jabatan/ Unit Pejabat Daerah Dan Tanah Yan serta Majlis Daerah Yan, para warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan dan para warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta Majlis Daerah Yan.





**9 – 11 MAC 2023 (KHAMIS – SABTU)**

**PROGRAM PEMANTAPAN INTEGRITI DAN SAHSIAH DIRI KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI MAJLIS DAERAH YAN**


Program Pemantapan Integriti Dan Sahsiah Diri Kelab Kebajikan Dan Rekreasi Majlis Daerah Yan ini telah diadakan pada 09 hingga 11 Mac 2023 bertempat di Banting dan Sabak Bernam, Selangor. Program ini telah dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Rekreasi Majlis Daerah Yan melibatkan seramai 29 orang warga kerja Majlis Daerah Yan termasuk 15 orang ahli PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan termasuklah Ice Breaking Team Formation Activity Management Games 1 (Copy and Paste), Management Games 2 (Lake Crossing Mission), Bamboo Jump dan Tadom Splash.

Objektif utama program ini ialah untuk memupuk kepentingan budaya kerja berpasukan berprestasi tinggi dalam pengurusan organisasi, mengeratkan hubungan silaturrahim antara kakitangan, meningkatkan pencapaian sasaran kerja berkualiti tinggi dan menambah nilai - nilai yang positif dalam pengurusan emosi untuk meningkatkan tahap profesionalisme diri yang unggul serta menjana idea yang kreatif khususnya untuk sektor pelancongan di daerah Yan selaras dengan slogan “Yan Daerah Pelancongan Desa”. \*

Turut berkesempatan menghadiri dan memantau program ini ialah Tuan Setiausaha Majlis Daerah Yan, Encik Mohd Akmal bin Azimi.

Majlis penutup program ini telah diadakan pada 10 Mac 2023 jam 8.30 malam beserta Majlis Penyerahan Cenderamata kepada seorang kakitangan Majlis Daerah Yan yang akan bersara pada bulan Mei 2023 dan seorang lagi kakitangan yang akan bertugas di tempat baharu. Majlis ini juga telah disempurnakan oleh Pengurus Kelab Kebajikan dan Rekreasi Majlis Daerah Yan, Puan Hasmiza binti Aziz dan Timbalan Pengurus Kelab Kebajikan dan Rekreasi Majlis Daerah Yan, Encik Mohamad Khairi Mahir bin Zolkofle. Beliau mengucapkan tanhiah dan terima kasih kepada para peserta yang menyertai program tersebut atas komitmen tinggi dan kerjasama padu yang diberikan sepanjang program berlangsung.



**16 JANUARI 2023 (KHAMIS)**

**PROGRAM BICARA NUR A'LA NUR UNTUK KAKITANGAN AWAM KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN**

Program ini telah diadakan pada pukul 8.30 pagi bertempat di Dewan Serbaguna, Guar Chempedak, Yan, Kedah Darul Aman.

Program Bicara Nur A'la Nur yang bertajuk Fiqh Pengurusan Tanah ini disampaikan oleh Tuan Syeikh Mohamad Rodi Bin Abdul Rahman, Pengerusi Yayasan Islam Negeri Kedah.

Program ini adalah anjuran Pejabat Pengerusi Jawatankuasa Agama, Pendidikan dan Sumber Manusia Negeri Kedah dengan kerjasama Urus Setia Penerangan Darul Aman (UPDA) dan Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta Majlis Daerah Yan.

Program ini dihadiri oleh 100 orang peserta dari kalangan para penjawat awam pentadbiran Daerah Yan yang terdiri dari para Ahli Majlis, Majlis Daerah Yan, warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan, Majlis Daerah Yan, Pejabat Agama Daerah Yan, Ibu Pejabat Polis Daerah Yan, Jabatan Kerja Raya Daerah Yan, Pejabat Kesihatan Daerah Yan, Hospital Yan, BOMBA Yan, BOMBA Guar Chempedak, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Yan, RELA Daerah Yan, Kolej Komuniti Jerai, Giat Mara Jerai, KEMAS Daerah Yan, Pejabat Belia dan Sukan Daerah Yan, Jabatan Kebajikan Masyarakat Daerah Yan, Majlis Belia Daerah Yan, Jawatankuasa Kariah Masjid Sungai Belida dan Masjid Al - Wustho Guar Chempedak, Persatuan Veteran ATM Daerah Yan, Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Daerah Yan, Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Muda / Yan dan SK Teroi serta para warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan.

Turut hadir dalam program ini ialah Pegawai Daerah Yan / YDP Majlis Daerah Yan (Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah, AMK., BCK.), YB ADUN Sungai Limau (YB Ustaz Mohd Azam Abd Samat), Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Tanah) (Puan Noorul Azzyati Binti Ahmad Salmi) dan Ketua Whip Ahli Majlis MDY (Tuan Haji Abd Hamid Bin Saad).

Sekalung penghargaan dan ucapan tahniah dirakamkan kepada pihak penganjur atas inisiatif yang sangat bermakna ini dan jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua para peserta dari pelbagai jabatan / agensi / institusi / pertubuhan di Daerah Yan yang membantu menjayakan program ilmu yang sangat bermanfaat seperti ini.



**22 MAC 2023 (RABU)**

**PROGRAM IHYA" RAMADAN 1444H/2023 MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG DAN SANJUNGAN BUDI LAMBAIAN KASIH TAHUN 2023, PEJABAT DAERAH DAN TANAH SERTA MAJLIS DAERAH YAN**

Program Ihya' Ramadan 1444H/2023 ini telah diadakan pada jam 11.30 pagi bertempat di Dewan Dato' Madi, Yan, Kedah.

Program dimulakan dengan sesi tazkirah khas Marhaban Ya Ramadan yang disampaikan oleh penceramah jemputan iaitu Al Fadhil Ustaz Haji Jafri bin Abu Bakar Mahmoodi, Pengurus Kompleks Islam Darul Faizin yang berlangsung selama sejam.

Program kemudiannya diteruskan lagi dengan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Sanjungan Budi Lambaian Kasih Tahun 2023, Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta Majlis Daerah Yan.

Program dimulakan dengan Bacaan Doa yang dipimpin oleh Ustaz Mohamad Nizam bin Md Noh, Ahli Majlis, Majlis Daerah Yan dan disusuli dengan ucapan perasmian oleh Pegawai Daerah Yan merangkap Yang Dipertua Majlis Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi bin Abdullah, AMK., BCK.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan Sijil Simpanan Premium (BSN) kepada enam orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2021 dari Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta enam orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2022 dari Majlis Daerah Yan yang keseluruhannya berjumlah 12 orang penerima.

Tidak ketinggalan, sebagai penghargaan kepada tiga orang kakitangan yang telah bertukar ke jabatan - jabatan baharu, Pejabat Daerah dan Tanah Yan turut berbesar hati menyampaikan Sijil Penghargaan dan cenderamata khas kepada mereka.

Majlis diteruskan dengan tayangan montaj persaraan bagi seorang kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Yan iaitu Encik Roshidi bin Shahidan dan seorang kakitangan Majlis Daerah Yan iaitu Encik Ilis Bin Hussain serta penyampaian Sijil Penghargaan dan cenderamata khas bagi menghargai segala jasa bakti dan sumbangan yang dicurahkan oleh mereka berdua kepada Daerah Yan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka tersebut.

Semua penyampaian Sijil dan Cenderamata kepada para penerima tersebut disempurnakan oleh Tuan Pegawai Daerah Yan / YDP Majlis Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah, AMK., BCK.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar dan jamuan makan tengah hari untuk semua tetamu dan jemputan yang hadir selain turut dimeriahkan dengan sesi cabutan bertuah yang menawarkan pelbagai barang elektrik yang menarik kepada para warga kerja PDTY dan MDY.

Turut hadir dalam program santai tetapi sangat bermakna ini ialah YB Ustaz Mohd. Azam bin Abd. Samat [ADUN Sungai Limau], Encik Mohd Akmal bin Azimi [Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) merangkap Setiausaha MDY, Puan Nurul Azyyati binti Ahmad Salmi [Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Tanah)], Encik Mohamad Afifi bin Mohamad, [Penolong Pegawai Daerah (Pendaftaran)], Ahli – Ahli Majlis Daerah Yan, Ketua-ketua / wakil jabatan dan agensi Daerah Yan, Ketua Jabatan / Unit MDY dan PDTY, para Penghulu Mukim serta para warga kerja Majlis Daerah Yan dan Pejabat Daerah dan Tanah Yan.



**29 MAC 2023**

**MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN DAN BERBUKA PUASA BERSAMA YAB MENTERI BESAR KEDAH DARUL AMAN SEMPENA RAMADAN 1444H/2023M PERINGKAT DAERAH YAN**

Majlis Penyampaian Sumbangan Dan Berbuka Puasa Bersama YAB Menteri Besar Kedah Sempena Ramadan 1444H / 2023M Peringkat Daerah Yan ini diadakan bermula pada jam 4.00 petang bertempat di Masjid Sultanah Haminah, Dulang Kechil, Yan, Kedah.

Majlis Sumbangan ini dimulakan dengan sesi pendaftaran oleh para penerima sumbangan dan kemudiannya diteruskan lagi dengan sesi tazkirah Ramadan yang disampaikan oleh Pegawai Khas Agama kepada YAB Menteri Besar Kedah iaitu Tuan Sheikh Yusoff bin Haji Ahmad.

Program kemudiannya disusuli dengan ketibaan YB Brigedier Jeneral (B) Dato' Haji Najmi bin Haji Ahmad (Exco Agama Negeri Kedah) selaku wakil rasmi YAB Menteri Besar Kedah pada jam 6.30 petang ke Masjid Sultanah Haminah, Dulang Kechil, Yan dan disambut oleh Pegawai Daerah Yan / YDP Majlis Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah, AMK., BCK. bersama para dif kenamaan serta ketua / wakil jabatan / agensi di Daerah Yan.

Agenda Majlis kemudiannya diteruskan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Syeikh Alwi Bin Othman, Pegawai Agama Daerah Yan dan disusuli dengan ucapan aluan oleh Pegawai Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi bin Abdullah, AMK., BCK., serta ucapan daripada YB Brigedier Jeneral (B) Dato' Haji Najmi bin Haji Ahmad.

Beliau seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan kepada 200 orang penerima yang terdiri daripada para guru Al-Quran sukarela, mudim, bidan kampung, jurumandi jenazah, bomoh patah dan penggali kubur melibatkan 100 orang dari DUN Guar Chempedak dan 100 orang dari DUN Sungai Limau.

Manakala, baki 100 orang lagi penerima sumbangan akan diselaraskan oleh kedua - dua Pejabat Pusat Khidmat DUN Guar Chempedak dan DUN Sungai Limau tersebut .

Sumbangan yang diberikan termasuklah kelengkapan raya (kain batik, kain pelikat dan kurma) serta wang tunai.

Setelah selesainya majlis penyampaian sumbangan berkenaan, YB Brigedier Jeneral (B) Dato' Haji Najmi bin Haji Ahmad, dif-dif jemputan, para penerima sumbangan serta komuniti setempat yang hadir bergerak ke Dewan Jamuan, Masjid Sultanah Haminah, Dulang Kechil, Yan untuk menghadiri Majlis Berbuka Puasa.

Turut hadir dalam Majlis ini ialah YB ADUN Sungai Limau (Ustaz Mohd Azam bin Abd Samat), Pegawai Agama Daerah Yan (Tuan Syeikh Alwi Bin Othman, BCK.), Imam Masjid Sultanah Haminah, Dulang Kechil, Yan (Tuan Hj.Yeop bin Yahya), para Ahli

Majlis MDY, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Tanah) / Timbalan Pengerusi 1 PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan (Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, BCK.), Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) / Setiausaha Majlis Daerah Yan (Encik Mohd Akmal Bin Azimi), Penolong Pegawai Daerah (Pendaftaran) (Encik Mohammad Afifi Bin Mohammad), ketua-ketua / wakil jabatan dan agensi di Daerah Yan, para Penghulu Mukim Daerah Yan, Ahli-ahli Jawatankuasa dan para warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, para warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta Majlis Daerah Yan selaku urus setia bersama Majlis tersebut serta komuniti setempat.

Sumbangan yang disampaikan ini adalah sebagai penghargaan dari Kerajaan Negeri Kedah atas segala jasa dan bakti yang dicurahkan oleh para penerima kepada masyarakat selama ini.

Semoga sumbangan tersebut diharap sedikit sebanyak dapat membantu para penerima sumbangan berkenaan serta keluarga masing-masing dalam menjalani ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan 1444H / 2023M ini dan membuat persiapan serta persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri 1444H / 2023M yang bakal tiba tidak lama lagi.





**06 APRIL 2023 (KHAMIS)**

**MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN SEMPENA RAMADAN OLEH DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU PRESIDEN JEMAAH DATO" - DATO" NEGERI KEDAH BAGI TAHUN 1444H/2023M**

Majlis Penyampaian Sumbangan Sempena Ramadan oleh Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Presiden Jemaah Dato'-Dato' Negeri Kedah Bagi Tahun 1444H / 2023M ini telah diadakan pada jam 10.00 pagi bertempat di Dewan Serbaguna, Guar Chempedak, Yan, Kedah.

Majlis Penyampaian Sumbangan ini dimulakan dengan sesi pendaftaran para penerima sumbangan melibatkan 5 mukim di Daerah Yan iaitu Mukim Sala Besar, Mukim Sungai Daun, Mukim Dulang, Mukim Yan dan Mukim Singkir.

Keberangkatan tiba DYTM Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah merangkap Presiden Jemaah Dato' - Dato' Negeri Kedah telah disambut oleh Tuan Pegawai Daerah / YDP Majlis Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah, AMK., BCK, bersama para dif kenamaan serta ketua jabatan / agensi Daerah Yan dan penghulu - penghulu mukim.

Agenda Majlis kemudiannya diteruskan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Syeikh Alwi Bin Othman, Pegawai Agama Daerah Yan dan disusuli dengan ucapan aluan oleh Pegawai Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi bin Abdullah, AMK., BCK., serta ucapan daripada YBhg. Dato' Paduka Haji Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah, Timbalan Presiden Jemaah Dato' - Dato' Negeri Kedah.

Majlis Penyampaian Sumbangan pada hari ini telah disempurnakan oleh DYTM Tengku Sarafudin Badlishah Ibni Al-Aminul Karim Sultan Sallehuddin, Raja Muda Kedah kepada 100 orang penerima (termasuk 20 orang penerima bukan Muslim) melibatkan 20 orang penerima dari 5 mukim yang terdiri daripada golongan warga emas, OKU dan fakir miskin melibatkan pemberian bantuan tunai dan barang keperluan harian.

Turut hadir dalam Majlis ini ialah Yang Berbahagia Dato' Bijaya Indera Dato' Paduka Haji Syed Unan Mashri bin Syed Abdullah (Timbalan Presiden Jemaah Dato' - Dato' Negeri Kedah), Yang Berbahagia Dato' Pengelola Bijaya DiRaja Dato' Paduka Haji Bakar bin Din (Naib Presiden 1 Jemaah Dato' - Dato' Negeri Kedah), Yang Berbahagia

Dato' Cheah Soon Hai (Naib Presiden II Jemaah Dato' - Dato' Negeri Kedah), Yang Berbahagia Dato' Haji Mohamad bin Che Nai (Setiausaha Jemaah Dato' - Dato' Negeri Kedah), Yang Berbahagia Dato' Cheng Lai Hock (Bendahari Jemaah Dato' - Dato' Negeri Kedah), para Ahli Jawatankuasa Jemaah Dato' - Dato' Negeri Kedah, Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Tanah) / Timbalan Pengerusi 1 PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan (Puan Noorul Azzyati Binti Ahmad Salmi, BCK.), Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) / Setiausaha Majlis Daerah Yan (Encik Mohd Akmal Bin Azimi), Penolong Pegawai Daerah (Pendaftaran) (Encik Mohammad Afifi Bin Mohammad), para Ahli Majlis MDY (Majlis Daerah Yan), para ketua / wakil jabatan dan agensi Daerah Yan, semua Penghulu Mukim Daerah Yan, para Imam di Daerah Yan, para Ahli Jawatankuasa dan warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan , para warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta Majlis Daerah Yan selaku urus setia bersama Majlis tersebut.

Semoga sumbangan yang disampaikan tersebut dapat membantu para penerima sumbangan berkenaan serta keluarga masing-masing dalam menjalani ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan 1444H / 2023M ini dan membuat persiapan serta persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri 1444H / 2023M yang bakal tiba tidak lama lagi.

Sekalung penghargaan dan setinggi - tinggi ucapan terima kasih dirakamkan kepada Jemaah Dato' - Dato' Negeri Kedah atas keprihatinan dan sumbangan bantuan yang disalurkan kepada golongan yang memerlukan khususnya di Daerah Yan.



**08 APRIL 2023 (SABTU)**

**MAJLIS PENGURNIAAN DAN SUMBANGAN AIDILFITRI YAYASAN ANAK-ANAK YATIM SULTANAH HAMINAH BAGI SESI TAHUN 2023 PERINGKAT DAERAH YAN.**

Majlis Pengurniaan dan Sumbangan Aidilfitri Yayasan Anak-anak Yatim Sultanah Haminah (YAYSH) Bagi Sesi 2023 Peringkat Daerah Yan ini diadakan pada jam 6.00 petang bertempat di Masjid Sultanah Haminah, Dulang Kechil, Mukim Dulang, Yan, Kedah.

Majlis Pengurniaan dan Sumbangan ini dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Sohibul Fadhilah Tuan Sheikh Alwi bin Othman, Pegawai Agama Daerah Yan dan disusuli dengan ucapan aluan oleh Pegawai Daerah Yan / YDP Majlis Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi bin Abdullah, AMK., BCK.

Majlis Pengurniaan dan Sumbangan Aidilfitri ini telah disempurnakan oleh Yang Maha Mulia Che Puan Besar Hajah Haminah binti Haji Hamidun, Che Puan Besar Kedah kepada 20 orang penerima yang terdiri daripada anak-anak yatim dari semua lima mukim di Daerah Yan iaitu Mukim Sala Besar (4 orang), Yan (4 orang), Sungai Daun (4 orang), Dulang (4 orang) dan Singkir (4 orang) yang terdiri dari 11 orang murid sekolah rendah dan 9 orang pelajar sekolah menengah dari Daerah Yan.

Sumbangan yang diberikan termasuklah baju raya, kurma, wang tunai dan hamper.

Turut hadir dalam Majlis ini ialah Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Anak-Anak Yatim Sultanah Haminah [YBhg. Dato Rosli Bin Awang], Pengurus PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan (Puan Amilia binti Ahmad), Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Tanah) / Timbalan Pengurus 1 PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan [Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, BCK.], Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) [Encik Mohd Akmal Bin Azimi], Penolong Pegawai Daerah (Pendaftaran) [Encik Mohammad Afifi Bin Mohammad], Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Muda / Yan [Tuan Haji Ishak bin Zulkifli], semua Penghulu Mukim Daerah Yan, Imam dan Ahli-ahli Jawatankuasa Kariah Masjid Sultanah Haminah, para ketua / wakil jabatan dan agensi di Daerah Yan, pegawai-pegawai dari Yayasan Anak-anak Yatim Sultanah Haminah (YAYSH), para warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta

Majlis Daerah Yan, Ahli-ahli Jawatankuasa dan para warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan selaku urus setia bersama Majlis tersebut.

Menjunjung Kasih kepada Yang Maha Mulia Che Puan Besar Hajah Haminah binti Haji Hamidun , Che Puan Besar Kedah atas pengurniaan dan sumbangan Aidilfitri bagi sesi Tahun 2023 tersebut.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada Yayasan Anak-anak Yatim Sultanah Haminah (YAYSH), semua jabatan / agensi berkaitan, para Penghulu Mukim, Imam dan seluruh Ahli Jawatankuasa Kariah Masjid Sultanah Haminah, seluruh warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan Dan Majlis Daerah Yan serta PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan yang telah terlibat membantu dalam mengurus dan menjayakan Majlis Pengurniaan dan Sumbangan pada hari ini.

Semoga sumbangan tersebut dapat membantu para penerima sumbangan berkenaan serta keluarga masing-masing dalam membuat persediaan dan persiapan Aidilfitri yang akan menjelang tidak lama lagi.



**09 APRIL 2023 (AHAD)**

**PROGRAM KACAU BUBUR LAMBUK SEMPENA RAMADAN 1444H/ 2023M  
PERINGKAT DAERAH YAN**

Program ini yang merupakan acara tahunan telah dianjurkan secara bersama oleh Pejabat Daerah dan Tanah Yan, Majlis Daerah Yan, PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, PEMADAM Daerah Yan dan Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) Daerah Yan telah diadakan bermula jam 10.00 pagi bertempat di perkarangan Pejabat Daerah dan Tanah Yan.

Ia disertai dan dijayakan oleh para warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan, Majlis Daerah Yan serta para warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan.

Sebanyak empat kawah bubur lambuk telah dimasak untuk program ini hasil sumbangan ikhlas para penyumbang dari pelbagai pihak termasuk dari Ahli - Ahli Majlis, Majlis Daerah Yan, PEMADAM Daerah Yan dan BSMM Daerah Yan.

Bubur lambuk yang siap dimasak pada jam 3.00 petang kemudiannya diagihkan kepada para warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan, Majlis Daerah Yan, PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan dan beberapa jabatan / agensi di Daerah Yan.

Tuan Pegawai Daerah Yan / YDP Majlis Daerah Yan (Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah, AMK., BCK.), para Pegawai Tadbir Negeri Kedah (KCS) Daerah Yan, Pengurus PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan (Puan Amila Binti Ahmad), para Ahli Jawatankuasa dan warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, para Penghulu Mukim, para warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta Majlis Daerah Yan kemudiannya turut mengagihkan bungkusan bubur lambuk tersebut kepada para pengguna jalan raya di hadapan Pejabat Daerah dan Tanah Yan.

Sementara itu, para Ahli Majlis, Majlis Daerah Yan turut menyalurkan sumbangan ikhlas masing - masing bagi menjayakan program kacau bubur lambuk ini dengan memasak satu kawah bubur lambuk istimewa yang dimasak di perkarangan Masjid Al Wustho, Guar Chempedak yang kemudiannya turut diagihkan kepada masyarakat setempat.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada seluruh warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan, Ahli-ahli Majlis dan warga kerja Majlis Daerah Yan, PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, PEMADAM Daerah Yan, Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) Daerah Yan dan Jawatankuasa Kariah Masjid Al Wustho, Guar Chempedak atas kerjasama padu dan komitmen tinggi yang diberikan dalam menjayakan Program Kacau Bubur Lambuk Sempena Ramadan 1444H / 2023M Peringkat Daerah Yan ini.

Semoga sumbangan ikhlas dan usaha murni dari semua pihak ini dirahmati dan diberkati oleh Allah s w.t. sempena Sambutan Ihya' Ramadan Al Mubarak 1444H / 2023M melalui perkongsian rezeki dan amalan nilai - nilai positif serta murni di bulan Ramadan yang mulia ini.

**SYABAS DAN TAHNIAH KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT.**



**09 APRIL 2023 (AHAD)**

**MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN BAKUL KASIH RAMADAN PUSPANITA  
CAWANGAN NEGERI KEDAH DENGAN KERJASAMA STATE SECRETARY  
KEDAH (INCORPORATION)**

Majlis Penyampaian Sumbangan Bakul Kasih Ramadan PUSPANITA Cawangan Negeri Kedah dengan kerjasama State Secretary Kedah (Incorporation) kepada para ahli PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan ini diadakan pada jam 10.30 pagi bertempat di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Yan, Yan, Kedah.

Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, Puan Amila binti Ahmad dan Tuan Pegawai Daerah Yan merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah, AMK., BCK., hadir bagi menyempurnakan penyampaian sumbangan bantuan tersebut kepada para ahli PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan yang memerlukan.

Seramai 14 orang penerima telah hadir untuk menerima sumbangan bantuan tersebut pada sesi penyerahan ringkas yang berlangsung di Bilik Gerakan, Pejabat Daerah dan Tanah Yan manakala 6 orang penerima lagi sumbangan telah diberikan secara ziarah ke rumah masing - masing.

Turut hadir dalam sesi penyerahan ringkas ini ialah Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Tanah) / Timbalan Pengerusi 1 PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan [Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, BCK.], Setiausaha PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan [Puan Nur Izzati binti Mohd Sabri] dan para urus setia PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan.

Sumbangan barang ini berupa keperluan harian dalam bentuk makanan kepada para ahli PUSPANITA Cawangan Negeri Kedah dan Cawangan Kecil Daerah yang telah dikenalpasti dan memerlukan sempena bulan Ramadan 1444H / 2023M.

PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan merakamkan sekalung penghargaan dan setinggi - tinggi ucapan terima kasih kepada PUSPANITA Cawangan Negeri Kedah dan State Secretary Kedah (Incorporation) atas sumbangan Bakul Kasih Ramadan yang diberikan.

Semoga dengan inisiatif murni dan program bermanfaat seumpama ini diharap akan dapat membantu meringankan sedikit beban kepada semua keluarga penerima yang memerlukan dalam menunaikan ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan yang mulia ini di samping membuat persediaan menyambut Aidilfitri yang bakal menjelang tiba tidak lama lagi.



**10 APRIL 2023 (ISNIN)**

**PROGRAM TADARUS DAN KHATAM AL-QURAN SEMPENAIHYA" RAMADAN  
TAHUN 1444H/2023 ANJURAN KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI MAJLIS  
DAERAH YAN (MDY)**

Program Tadarus Dan Khatam Al-Quran Sempena Ihya' Ramadan Tahun 1444H / 2023M anjuran Kelab Kebajikan dan Rekreasi (KKR) MDY ini telah diadakan bermula pada jam 8.30 pagi bertempat di Dewan Dato' Madi, Yan.

Program ini telah melibatkan semua warga kerja Majlis Daerah Yan yang juga merupakan ahli Kelab Kebajikan dan Rekreasi Majlis Daerah Yan serta turut disertai oleh para warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta para warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan keseluruhannya berjumlah 100 orang peserta.

Semua peserta yang menyertai program ini telah dibahagikan kepada 25 kumpulan mengikut juzuk yang telah diselaraskan oleh Biro Agama, Kelab Kebajikan dan Rekreasi (KKR) MDY. Semua peserta masing - masing bertadarus Al Quran secara berkumpulan mengikut giliran bermula jam 9.00 pagi sehingga semua peserta bersama - sama mengkhatam 30 juzuk Al-Quran pada jam 11.00 pagi.

Kemuncak acara ini ialah Majlis Khatam Al Quran yang dipimpin oleh Ustaz Muhammad Fikri Bin Haji Ishak, Imam Masjid Al Ubudiyah, Padang Lumat yang juga merupakan Ahli Majlis, Majlis Daerah Yan.

Program ini diakhiri dengan Ucapan Perasmian Penutup oleh Pegawai Daerah Yan / Yang Dipertua Majlis Daerah Yan merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah, AMK., BCK.

Selain itu, para peserta program ini juga masing - masing menerima sijil penyertaan digital (e-sijil) yang disediakan oleh Kelab Kebajikan dan Rekreasi (KKR) MDY.

Semoga aktiviti bermanfaat seperti Program Tadarus dan Khatam Al Quran ini dapat menyemarakkan lagi Sambutan Ihya' Ramadan 1444H / 2023M di samping dapat mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan para warga MDY, PDTY dan PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan serta membantu memantapkan ilmu dan kemahiran membaca Al-Quran, mewujudkan penghayatan beramal dan beribadah dalam bulan Ramadan yang mulia serta memperoleh syafaat di akhirat kelak.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Kelab Kebajikan dan Rekreasi (KKR) Majlis Daerah Yan selaku penganjur program dan semua peserta atas komitmen tinggi dan kerjasama padu yang diberikan dalam menjayakan program ini.

Semoga usaha murni ini mendapat rahmat dan keberkatan dari Allah s.w.t.



**16 APRIL 2023 (AHAD)**

**MAJLIS SANTUNAN KASIH RAMADHAN 1444H/2023M ANJURAN MAJLIS DAERAH YAN**

Majlis Santunan Kasih Ramadan 1444H/2023M Anjuran Majlis Daerah Yan (MDY) ini diadakan pada jam 5.30 petang bertempat di Masjid Al Ubudiyah, Padang Lumat, Yan, Kedah.

Majlis ini dimulakan dengan sesi pendaftaran oleh para tetamu yang hadir dan penerima sumbangan dan kemudiannya diteruskan dengan sesi tazkirah Ramadan yang disampaikan oleh YBhg. Ustaz Yahaya Bakhir bin Ibnu Hajar, Guru Penolong Kanan, Sekolah Menengah Agama Taufiqiah Khairiah Al Halimiah, Pdg Lumat, Yan, Kedah.

Agenda Majlis kemudiannya diteruskan dengan ucapan aluan oleh Ustaz Muhamad Fikri bin Ishak, Imam Masjid Al Ubudiah dan disusuli dengan ucapan oleh Tuan Pegawai Daerah Yan / Yang Dipertua Majlis Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi bin Abdullah, AMK., BCK.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan sesi penyampaian sumbangan kepada 21 orang penerima yang terdiri daripada para asnaf dan anak yatim dalam Kariah Masjid Al Ubudiah yang disempurnakan oleh Pegawai Daerah Yan / YDP Majlis Daerah Yan dan isteri, Puan Amila Binti Ahmad selaku Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan.

Sumbangan yang diberikan termasuklah kelengkapan raya (kuih-muih, barang dapur, baju raya) serta wang tunai.

Setelah selesainya sesi penyampaian sumbangan tersebut, program kemudiannya diteruskan dengan bacaan tahlil ringkas dan doa yang dipimpin oleh Ustaz Muhamad Fikri bin Ishak, Imam Masjid Al Ubudiyah dan turut disertai oleh dif-dif jemputan, para penerima sumbangan serta komuniti setempat yang turut sama - sama hadir memeriahkan Majlis Iftar (Berbuka Puasa) di Masjid berkenaan.

Turut hadir dalam Majlis ini ialah YB ADUN Sungai Limau, para Ahli Majlis, Majlis Daerah Yan (Politik dan Ex Officio), Pengarah Jabatan Mineral Dan Geosains (JMG) Kedah/Perlis/Pulau Pinang, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan

[Puan Amila binti Ahmad], Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pengurusan Tanah) / Timbalan Pengurus 1 PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan [Puan Noorul Azyyati Binti Ahmad Salmi, BCK.], Ketua Penolong Pegawai Daerah (Pembangunan) / Setiausaha Majlis Daerah Yan [Encik Mohd Akmal Bin Azimi], Penolong Pegawai Daerah (Pendaftaran) [Encik Mohammad Afifi Bin Mohammad], ketua-ketua / wakil pelbagai jabatan dan agensi di Daerah Yan, para Penghulu Mukim Daerah Yan, Ahli-ahli Jawatankuasa dan para warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, para warga kerja Pejabat Daerah dan Tanah Yan serta Majlis Daerah Yan selaku urus setia bersama Majlis tersebut, wakil Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat SUK Kedah serta komuniti setempat.

Semoga sumbangan tersebut diharap sedikit sebanyak dapat membantu para penerima sumbangan berkenaan serta keluarga masing-masing dalam menjalani ibadah puasa sepanjang bulan Ramadan 1444H / 2023M ini dan membuat persiapan serta persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri 1444H / 2023M yang bakal tiba tidak lama lagi.

Setinggi - tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat SUK Kedah, para Ahli Jawatankuasa Kariah Masjid Al Ubudiah serta semua yang terlibat yang menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kelancaran dan kejayaan program yang sangat bermakna, khususnya di bulan Ramadan yang mulia ini.

Semoga usaha murni ini mendapat rahmat dan keberkatan dari Allah s.w.t.



**14 MEI 2023 (AHAD)**

**MAJLIS SAMBUTAN HARI IBU PERINGKAT DAERAH YAN TAHUN 2023 'IBU SURI HATIKU'**

Majlis Sambutan Hari Ibu Peringkat Daerah Yan Tahun 2023 ini diadakan pada 14 Mei 2023 jam 8.30 pagi bertempat di Dewan Lestari (dahulunya Dewan Serbaguna Guar Chempedak) Guar Chempedak, Yan, Kedah.

Majlis ini dimulakan dengan sesi pendaftaran para peserta program yang telah dihadiri oleh para penjawat awam dari pelbagai jabatan / agensi Daerah Yan, daerah - daerah dan Negeri Kedah yang melibatkan anggaran peserta keseluruhan berjumlah seramai 170 orang.

Turut hadir dalam program ini adalah YBhg. Datin Noor Afza Binti Osman, Pengerusi PUSPANITA Pejabat Kewangan dan Perpendaharaan (PKPK) Negeri Kedah merangkap Pengerusi Biro Kebajikan PUSPANITA Cawangan Negeri Kedah dan YBhg. Datin Suriyati Binti Sabar, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Majlis Bandaraya Alor Setar (MBAS).

Agenda Majlis kemudiannya diteruskan dengan seminar "Emotional Controlling in Digital Parenting" yang disampaikan oleh Pegawai LPPKN Negeri Kedah, Encik Noor Sazali Bin Mansor.

Ia disusuli dengan Majlis Perasmian Sambutan Hari Ibu Peringkat Daerah Yan yang dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Saudara Muhammad Khairi Mahir Bin Zolkeple dari Majlis Daerah Yan bagi memohon keberkatan dan kelancaran Majlis tersebut.

Acara program kemudiannya diteruskan dengan persembahan nyanyian oleh Ahmad Afiq bin Mahadi, pelajar dari Kolej Komuniti Jerai dengan lagu Untukmu Ibu.

Majlis diteruskan dengan Ucapan Perasmian yang disempurnakan oleh Tuan Pegawai Daerah Yan / Yang Dipertua Majlis Daerah Yan, merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi bin Abdullah, AMK., BCK.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan sesi memotong kek Hari Ibu yang disempurnakan bersama oleh Tuan Penasihat serta Puan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan (Puan Amila Binti Ahmad), YBhg. Datin Noor Afza Binti

Osman, YBhg. Datin Suriyati Binti Sabar, Puan Nurul Azzyati Binti Ahmad Salmi dan Puan Ainaa Mardhiyah yang merupakan Timbalan - timbalan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan.

Majlis juga turut berbesar hati menyampaikan Anugerah Tokoh Ibu Inspirasi kepada Puan Siti Asmah binti Ahmad yang telah menjentik hati umum dengan kegigihan beliau bekerja membanting tulang mendidik dan membesarakan anak-anaknya seramai lima orang termasuk seorang yang berkelainan upaya. Beliau telah menerima plak anugerah, Sijil Penghargaan, jambangan bunga serta wang tunai.

Beliau yang juga seorang tiktoker terkenal (ctjerai82) sering berkongsi pengalaman aktiviti harian beliau sebagai ibu bersama keluarga beliau dan ini menjadi sumber inspirasi kepada para ibu di platform media sosial.

Kegigihan dan kecekalan beliau sebagai seorang ibu turut menarik perhatian stesen TV3 yang memaparkan kisah beliau dalam rancangan Nona yang bersiaran pada 14 Mei 2023 sempena Sambutan Hari Ibu.

Sebagai kejutan pada program Sambutan Hari Ibu Peringkat Daerah Yan ini, Majlis turut sama meraikan hari kelahiran Puan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, Puan Amila Binti Ahmad yang mana tarikh kelahiran beliau adalah serentak dengan Sambutan Hari Ibu.

Selain itu, program ini turut diisi dengan sesi pemeriksaan kesihatan oleh LPPKN Negeri Kedah dan Pejabat Kesihatan Daerah Yan.

Sambutan Hari Ibu Peringkat Daerah Yan Tahun 2023 ini telah diakhiri dengan nyanyian beramai-ramai sebuah lagu yang menyentuh hati iaitu Jasa Bonda.

Setinggi - tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada para Ahli Jawatankuasa dan warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, semua jabatan / agensi serta semua yang terlibat menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kelancaran dan kejayaan program yang sangat bermakna ini.



**18.05.2023**

## **PROGRAM PEMBERSIHAN DAN PENGINDAHAN PANTAI MURNI WATERFRONT & RESTORASI KARANG PULAU SONGSONG**

Program Pembersihan dan Pengindahan Pantai Murni Waterfront & Restorasi Karang Pulau Songsong adalah anjuran Majlis Daerah Yan yang diadakan pada jam 8.00 Pag. Perasmian program ini di jalankan bertempat di Dewan Dato Madi, Yan.

Majlis ini dimulakan dengan sesi pendaftaran para peserta program yang telah dihadiri oleh para penjawat awam dari pelbagai jabatan / agensi Daerah Yan yang melibatkan anggaran peserta keseluruhan berjumlah seramai 300 orang.

Agenda Majlis kemudiannya diteruskan dengan Majlis Perasmian Program yang dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Saudara Muhammad Khairi Mahir Bin Zolkifle dari Majlis Daerah Yan bagi memohon keberkatan dan kelancaran Majlis tersebut.

Majlis diteruskan dengan Ucapan Aluan oleh Tuan Pegawai Daerah Yan / Yang Dipertua Majlis Daerah Yan, merangkap Penasihat PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi bin Abdullah, AMK., BCK. Manakala ucapan perasmian yang disempurnakan oleh Tuan Haji Suhaimi bin Ali @ Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha Perumahan dan Kesejahteraan Komuniti, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan(KP KT). Seterusnya gimik perasmian dengan melepaskan balon dan bunting program.

Program diteruskan lagi dengan acara fotografi dan setiap pada kumpulan dibahagikan kepada dua iaitu pembersihan di Pantai Murni Waterfront dan kumpulan seterusnya ke Pulau Songsong untuk aktiviti pembersihan dan restorasi karang. Sebelum bergerak ke Pulau Songsong, Taklimat Keselamatan di laut turut disampaikan oleh PPgB Noorhamidi bin Ali, Ketua Balai BOMBA dan Penyelamat Yan.

Turut bersama dalam program tersebut delegasi dari KP KT, Encik Mohamad Yusri bin Hashim [Setiausaha Bahagian(Kesejahteraan Komuniti)], Encik Mohd Zainal bin Mohd Nor[Ketua Penolong Setiausaha Kanan(Kesejahteraan Komuniti), Encik Mazlan bin Mohd Zin[Penolong Setiausaha Kanan(Kesejahteraan Komuniti)]. Manakala turut hadir Puan Amila binti Ahmad[Penerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Dearah Yan],

Ahli Majlis(MDY), Ketua Jabatan MDY dan ahli Persatuan Jurupandu Jerai Geopark (JAGA) untuk sesi penerangan berkaitan geotapak Pulau Songsong.

Pemilihan tempat Pulau Songsong ini adalah kerana pulau ini telah mendapat tumpuan ramai, kekayaan terumbu karang di pulau ini juga terancam dan rosak akibat pelbagai faktor, baik kerana faktor alam seperti perubahan iklim mahupun akibat tangan-tangan rakus manusia itu sendiri. Hal ini menyebabkan ekosistem pelbagai spesis haiwan laut juga turut terganggu. Program ini juga dapat meningkatkan kualiti habitat untuk spesis karang dan pertumbuhan karang baru. Dengan pertumbuhan baru dapat mengurangkan gangguan dan persaingan dari habitat laut lain untuk mendapatkan perumah.

Setinggi - tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada para Ahli Jawatankuasa, semua jabatan / agensi serta semua yang terlibat menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam memastikan kelancaran dan kejayaan program yang sangat bermakna ini.



**28 MEI 2023 (AHAD)**

### **PROGRAM JALINAN INSAN WAHANA ASPIRASI (JIWA)**

Program anjuran Pejabat Penerangan Daerah Yan ini diadakan pada jam 2.30 petang bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat Penerangan Daerah Yan, Yan, Kedah.

Ia dimulakan dengan ucapan aluan oleh Puan Anita Binti Omar, Pegawai Penerangan Daerah Yan dan disusuli dengan sesi Sembang Santai 'Penipuan Siber' oleh Pejabat Penerangan Daerah Yan dan Sembang Santai 'Pengurusan Kemalangan Kecil & Penggunaan First Aid Kit' yang telah disampaikan oleh Encik Abu Bakar bin Othman, Penolong Pengarah Latihan & Tenaga Manusia Bulan Sabit Merah Malaysia (BSMM) Kedah serta diikuti dengan sesi Cabutan Bertuah dan Minum Petang.

Seramai 20 orang Ahli Jawatankuasa dan warga PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan telah berpeluang menghadiri program yang julung - julung kali diadakan ini.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada Pejabat Penerangan Daerah Yan atas inisiatif penganjuran program yang santai tetapi sangat bermanfaat dan berfaedah kepada para peserta yang hadir.



**01 JUN 2023 (KHAMIS)**

**HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN PERINGKAT NERGEI KEDAH DARUL AMAN TAHUN 2023**

Hari Peladang, Penternak Dan Nelayan Peringkat Negeri Kedah (HPPNK) telah diadakan pada 01 Jun sehingga 05 Jun 2023 bermula jam 10.00 pagi sehingga 10.00 malam bertempat di perkarangan Stadium Darul Aman, Alor Setar, Kedah yang melibatkan penyertaan dari pelbagai jabatan / agensi persekutuan dan seluruh daerah di Negeri Kedah.

Program ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kedah Darul Aman, Dato' Seri Haji Muhammad Sanusi Bin Md Nor pada 01 Jun 2023 (Khamis).

Pelbagai booth pameran dari pelbagai jabatan / agensi yang terlibat antaranya dari Jabatan Pertanian Negeri Kedah, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Kolej Pertanian, Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV).

Selain itu, 12 daerah iaitu Kota Setar, Kuala Muda, Kulim, Langkawi, Kubang Pasu, Baling, Sik, Padang Terap, Yan, Bandar Baharu, Pendang dan Pokok Sena juga turut serta menyertai booth pameran sempena program ini.

Booth pameran Daerah Yan menampilkan produk - produk IKS tempatan dari Daerah Yan, informasi Jerai Geopark, jerami gulung dan minuman nira yang sangat sinonim dengan Daerah Yan.

Tuan Pegawai Daerah Yan, Tuan Mohamad Subhi bin Abdullah, AMK., BCK. turut hadir bagi meraikan YAB Menteri Besar dan YB Exco Pertanian Negeri Kedah, para tetamu kehormat dan pengunjung yang datang mengunjungi booth pameran Daerah Yan.

Antara aktiviti - aktiviti yang dijalankan sempena program selama lima hari ini ialah Malam Himpunan Anak Muda, persembahan dari Kumpulan Raihan, pameran, pesta

durian, demonstrasi, penyampaian anugerah / hadiah, Malam Kesenian Islam, ceramah agama dan pelbagai pertandingan berkaitan.

Program yang berlangsung pada kali ini mendapat sambutan hangat dan menggalakkan dari para penduduk setempat dan orang ramai.

Sekalung penghargaan dan ucapan tahniah diucapkan kepada semua pihak atas penganjuran dan kejayaan program yang sangat bermanfaat seperti ini.

Semoga program seperti ini dapat memberi pengetahuan dan faedah kepada para pengunjung yang hadir memeriahkan HPPNK tersebut dan seterusnya menyokong dan mempromosikan pelbagai informasi dan produk berasaskan pertanian, penternakan dan perikanan Negeri Kedah.



**24 JUN 2023 (SABTU)**

## **PROGRAM GERAK RAHMAH 2023: JOM BERSIH & INDAH PERINGKAT NEGERI KEDAH**

Program Gerak Rahmah 2023: Jom Bersih & Indah Peringkat Negeri Kedah telah diadakan pada 24 Jun 2023 (Sabtu) bertempat di Pantai Murni, Yan Kedah.

Program ini dirasmikan oleh Tuan Mohamad Subhi Bin Abdullah, AMK., BCK., Pegawai Daerah Yan. Selain itu, turut hadir bersama di dalam program ini Pengarah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional Negeri Kedah, Tuan Haji Ahmad Puat bin Haji Junus.

Aturcara program dimulakan dengan Program Kayuhan Santai sejauh 7 km bermula dari Pejabat Daerah dan Tanah Yan ke Pantai Murni yang turut disertai oleh Tuan Pegawai Daerah Yan, Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, KPPD (Pengurusan Tanah) merangkap Timbalan Pengerusi PUSPANITA Cawangan Kecil Daerah Yan, Ketua Polis Daerah Yan, Penghulu Mukim Dulang dan para Ahli KRT Daerah Yan.

Ia kemudiannya disusuli dengan aktiviti Senam Harmoni bersama para jemputan dan tetamu yang hadir bertempat di Pantai Murni melibatkan hampir 200 orang peserta.

Program kemudiannya diteruskan dengan Majlis Perasmian Program oleh Tuan Pegawai Daerah Yan, Penyampaian Sijil Penghargaan Rakan Strategik kepada beberapa jabatan / agensi terpilih, Pelepasan Peserta Program Jom Bersih & Indah oleh Tuan Pegawai Daerah Yan, Pemeriksaan Kesihatan oleh KOSPEN RT, Penyampaian Hadiah dan Cabutan Bertuah, pameran dari pelbagai jabatan / agensi terpilih antaranya dari NCIA, SW Corp, APM Daerah Yan, KWSP Sungai Petani, Perbadanan Perpustakaan Negeri Kedah, Pejabat Penerangan Daerah Yan, AADK Daerah Yan, Pejabat Kesihatan Daerah Yan dan KOSPEN RT.

Program ini kemudiannya diakhiri dengan jamuan tengah hari bersama para tetamu jemputan dan peserta program.

Turut hadir dalam program ini ialah Ketua Polis Daerah Yan, wakil Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Muda / Yan, Pengurus MADA Wilayah IV, Ketua AADK Daerah Yan, Pegawai Penerangan Daerah Yan, wakil Ketua Bomba dan Penyelamat

Yan, wakil Pegawai APM Daerah Yan, wakil Pengurus KWSP Cawangan Sungai Petani, Penghulu Mukim Yan serta para guru dan pelajar dari SMKA Yan.

Tujuan program ini dianjurkan adalah bagi memupuk rasa cintakan alam sekitar dalam memelihara alam semulajadi dan meningkatkan kesedaran menjaga alam sekitar dalam kalangan komuniti rahmah dengan mangamalkan gaya hidup yang sihat.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada pihak Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Negeri Kedah dan Pejabat Perpaduan Daerah Yan kerana memilih Daerah Yan bagi penganjuran program yang sangat bermanfaat seperti ini khususnya kepada komuniti setempat.

Jutaan terima kasih juga dirakamkan kepada seluruh jabatan / agensi dan masyarakat setempat atas kerjasama padu dan komitmen tinggi yang diberikan dalam memastikan kelancaran dan kejayaan program yang julung - julung kali diadakan di Daerah Yan.





[www.mdyan.gov.my](http://www.mdyan.gov.my)  
Jabatan Pembangunan Masyarakat  
Majlis Daerah Yan